

06/07/1998

PM arah siasat kekalahan

Kamudin Baharom

KANGAR, Ahad - Barisan Nasional (BN) menghormati dan menerima dengan hati terbuka keputusan pilihan raya kecil Parlimen Arau yang menyaksikan kekalahan calonnya, Ismail Kassim, semalam.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam reaksi terhadap keputusan itu mahu BN dan Umno Perlis mengadakan segera bedah siasat serta mengemukakan laporan mengenainya untuk dibincangkan dalam Majlis Tertinggi (MT) parti akan datang.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata Dr Mahathir turut mengarahkan semua jentera BN dan Umno negeri bekerja lebih keras mulai sekarang bagi menawan semula kerusi itu dalam pilihan raya akan datang.

"Saya sudah memaklumkan keputusan pilihan raya ini kepada Perdana Menteri serta Timbalan Perdana Menteri, dan kedua-duanya akur serta menerima kekalahan itu dengan hati terbuka," katanya ketika berucap di hadapan penyokong dan pekerja BN yang membanjiri kediamannya di sini, malam tadi.

Dalam pilihan raya kecil itu, Ismail tewas kepada calon Pas, Hashim Jasin dengan majoriti, 1,323 undi. Hashim, 59, yang juga Pesuruhjaya Pas Perlis memperolehi 12,864 undi manakala Ismail, 38, mendapat 11,541 undi.

Keputusan itu diumumkan Pegawai Pilihanraya Negeri, Musa Hassan, di pusat penjumlahan undi di Dewan Warisan di sini, kira-kira jam 10.55 malam.

Di LANGKAWI, Anwar berkata, walaupun agak mendukacitakan, tetapi Umno menerima keputusan pengundi memilih calon Pas.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan `Malaysian Jet Endurance Grand Prix '98 di Awana Porto Malai dekat Langkawi, Anwar berkata, beliau sudah meminta Badan Perhubungan Umno negeri membuat laporan terperinci dan mengemukakan hasil bedah siasat mengenainya untuk dibincangkan dalam mesyuarat MT akan datang.

Ditanya sama ada kekalahan itu disebabkan calon BN kurang sesuai, Anwar berkata: "Umno menerima keputusan pengundi dan akan teliti laporan secara terperinci selepas dikemukakan nanti."

Mengenai kemungkinan terdapat masalah dalam jentera BN, Anwar berkata, lebih baik Umno menunggu laporan terperinci terlebih dahulu sebelum membuat sebarang andaian awal.

"Kita hormati proses demokrasi dan kita cuma ucap terima kasih kepada jentera BN yang telah bekerja untuk memenangkan calon ini," katanya yang juga enggan mengulas kemungkinan kekalahan BN itu mempunyai kaitan dengan kegawatan ekonomi sekarang.

(END)